

# Wujudkan komponen pendidikan tulisan jawi

**KUALA LUMPUR 2 Mac** - Kementerian Pendidikan disaran mengkaji semula silibus mata pelajaran bahasa Melayu di peringkat sekolah rendah dan menengah dengan mewujudkan komponen pendidikan tulisan jawi dalam subjek tersebut.

Ketua Kluster Sejarah, Warisan dan Sosiobudaya Majlis Profesor Negara, **Prof. Datuk Dr. Teo Kok Seong** berkata, ini kerana dalam bahasa Melayu terdapat dua sistem tulisan iaitu jawi dan rumi yang tidak perlu dikecualikan daripada mana-mana sistem pendidikan negara.

Katanya, semua pihak perlu berasa bangga kerana bahasa penerusan yang digunakan di negara ini mempunyai dua sistem tersebut yang tidak dimiliki oleh kebanyakan bahasa lain di seluruh dunia.

"Jika ada yang menganggap tulisan Jawi tidak mempunyai kedudukan dalam perniagaan seperti bahasa Inggeris, kita jadikan universiti sebagai tempat mengkaji faktor perkembangannya termasuklah pembaharuan yang



**TEO KOK SEONG**

boleh dicadangkan.

"Punca tulisan warisan ini dipinggirkan adalah disebabkan Akta Bahasa Kebangsaan 1963 sendiri yang menggariskan tulisan rumi sebagai tulisan bahasa kebangsaan, walaupun penggunaan tulisan jawi tidak dilarang," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Pada 25 Februari lalu, Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah menitahkan semua pihak terutama institusi pengajian tinggi (IPT) seperti Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS) su-

## Sultan Nazrin dukacita nasib akhbar jawi *Utusan Melayu*

**KUALA LUMPUR 1 Mac** - Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah menzahirkan perasaan dukacita dengan nasib akhbar

*Utusan Melayu* Minggu edisi cetak selama setahun mulai Februari tahun lalu untuk diedarkan kepada 262 buah sekolah menengah di seluruh negeri.

**KERATAN** akhbar *Utusan Malaysia* semalam.

paya menggerakkan aktiviti memperkasakan tulisan jawi dalam kalangan masyarakat agar tidak hilang ditelan zaman.

Semalam pula, Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah bertitah, baginda amat dukacita apabila akhbar *Utusan Melayu* bertulisan jawi terpaksa diberhentikan penerbitannya.

Mengulas lanjut, Kok Seong berkata, masyarakat bukan Islam perlu mengubah persepsi terhadap penggunaan tulisan jawi sebagai usaha memartabatkan kembali khazanah kebudayaan nasional itu.